

WADAH MAIPk

چاہس اکٹارا سارہ
دعا خادت ملایو پیڑا

ANUGERAH
KEBANGSAAN

20 NOVEMBER 2023 | 8 JAMAIK



PENYERAHAN ZAKAT PERNIAGAAN
KEPADА DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI SULTAN PERAK
DARUL RIDZUAN

LEMBAGA AIR PERAK TERIMA ANUGERAH ZAKAT KEBANGSAAN 2023

PROPER A MAIPk 2023



PROGRAM PEMERKASAAN
EKONOMI ASNAF PACU
USAHAWAN ASNAF MAIPk

EDISI 3
2023

BILANGAN 46
EDARAN
PERCUMA

PENYERAHAN ZAKAT PERNIAGAAN KEPADA DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI SULTAN PERAK DARUL RIDZUAN SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH

ISTANA KINTA, IPOH PADA 28 SEPTEMBER 2023



Lembaga Air Perak diwakili oleh Pengurus Besar, Dato' Haji Ishak Bin Abd Rahman dengan jumlah RM4,850,000.00.



Ipoh Specialist Hospital Sdn. Bhd. (KPJ Ipoh) diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Encik Badrul Hisyam Bin Ibrahim dengan jumlah RM1,096,282.73.



Koperasi Perladangan Kawasan Bagan Datoh Perak Berhad diwakili oleh Pengerusi Koperasi, Haji Salleh Hudin bin Kamarudin dengan jumlah RM585,174.68.



Koperasi Warisan Pegawai Hutan Melayu Negeri Perak Berhad diwakili oleh Pengerusi, Encik Nor Sharifuddin Bin Yeop dengan jumlah RM380,513.78



YP Nominees Holdings Sdn. Bhd. diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Rozita Binti Ramli dengan jumlah RM 406,754.87.



Menteri Besar Incorporated Perak diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Tuan Anuar Bin Zainal Abidin dengan jumlah RM430,000.00.



Empayar Indera Sdn. Bhd diwakili oleh Timbalan Pengurus Besar, Encik Rusli Bin Md Isa dengan jumlah RM300,000.00



Koperasi Kemajuan Tanah Perak Berhad diwakili oleh Pengerusi, Datuk Mohammed Akhiar Bin Ahmad Wazir Affandi dengan jumlah RM121,749.62

ISTANA PERAK, CHANGKAT PERSEKUTUAN, BUKIT PERSEKUTUAN, KUALA LUMPUR PADA 9 OKTOBER 2023



Koperasi Perladangan Kawasan
Bagan Datoh Perak Berhad
diwakili oleh Pengerusi Koperasi,
Haji Salleh Hudin bin Kamarudin
dengan jumlah RM585,174.68.



Koperasi Perladangan Kawasan
Bagan Datoh Perak Berhad
diwakili oleh Pengerusi Koperasi,
Haji Salleh Hudin bin Kamarudin
dengan jumlah RM585,174.68.



Koperasi Perladangan Kawasan
Bagan Datoh Perak Berhad
diwakili oleh Pengerusi Koperasi,
Haji Salleh Hudin bin Kamarudin
dengan jumlah RM585,174.68.



Koperasi Perladangan Kawasan
Bagan Datoh Perak Berhad
diwakili oleh Pengerusi Koperasi,
Haji Salleh Hudin bin Kamarudin
dengan jumlah RM585,174.68.



Koperasi Perladangan Kawasan
Bagan Datoh Perak Berhad
diwakili oleh Pengerusi Koperasi,
Haji Salleh Hudin bin Kamarudin
dengan jumlah RM585,174.68.



Koperasi Perladangan Kawasan
Bagan Datoh Perak Berhad
diwakili oleh Pengerusi Koperasi,
Haji Salleh Hudin bin Kamarudin
dengan jumlah RM585,174.68.

ISTANA PERAK, CHANGKAT PERSEKUTUAN, BUKIT PERSEKUTUAN, KUALA LUMPUR PADA 9 OKTOBER 2023



Koperasi Perladangan Kawasan
Bagan Datoh Perak Berhad
diwakili oleh Pengurus Koperasi,
Haji Salleh Hudin bin Kamarudin
dengan jumlah RM585,174.68.



Koperasi Perladangan Kawasan
Bagan Datoh Perak Berhad
diwakili oleh Pengurus Koperasi,
Haji Salleh Hudin bin Kamarudin
dengan jumlah RM585,174.68.



Koperasi Perladangan Kawasan
Bagan Datoh Perak Berhad
diwakili oleh Pengurus Koperasi,
Haji Salleh Hudin bin Kamarudin
dengan jumlah RM585,174.68.



Koperasi Perladangan Kawasan
Bagan Datoh Perak Berhad
diwakili oleh Pengurus Koperasi,
Haji Salleh Hudin bin Kamarudin
dengan jumlah RM585,174.68.



Koperasi Perladangan Kawasan
Bagan Datoh Perak Berhad
diwakili oleh Pengurus Koperasi,
Haji Salleh Hudin bin Kamarudin
dengan jumlah RM585,174.68.

TITAH

DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI SULTAN PERAK DARUL RIDZUAN SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH MUZAKARAH SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH

TARIKH: 25 RABIUL AWAL 1445 / 11 OKTOBER 2023 (RABU)

JAM: 10.00 PAGI

**TEMPAT: CASUARINA CONVENTION CENTRE,
IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN.**

Tema: "Memperkasa Ahli Sunah Wal Jamaah Sebagai Firqah Najiah"

Segala puji-pujian selayaknya kepada Allah Subhanahu Wata'ala, Tuhan yang menciptakan manusia sebagai makhluk yang mulia ke atas yang lainnya. Selawat dan salam dipanjangkan ke atas junjungan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan kepada ahli keluarga Baginda.

2. Alhamdulillah, dengan izin Ilahi, cendiakawan Islam berjaya dipertemukan untuk bermuzakarah membincangkan subjek "Memperkasa Ahli Sunah Wal Jamaah sebagai Firqah Najiah". Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bermaksud:

"Bani Israel berpecah kepada 71 golongan, Nasrani pula berpecah kepada 72 golongan, dan umatku pula akan berpecah kepada 73 golongan, di mana kesemua mereka itu akan menghuni api neraka kecuali satu golongan. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ditanya : Siapakah golongan itu Ya Rasulullah? Jawab Baginda: "Mereka ialah golongan yang berpegang kepada ajaranku dan para sahabatku."

3. Ahli Sunah Wal Jamaah berasal

daripada dua patah perkataan iaitu "ahli sunnah" yakni golongan yang mengikuti pegangan dan jalan hidupNabi Sallallahu Alaihi Wasallam, manakala istilah "al-Jamaah" bersumberkan petikan hadis diriwayatkan oleh Abu Daud daripada Mu'awiyah ibn Abu Sufyan radhiallahu anhu, yang menceritakan bahawa suatu hari Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam berdiri di samping kami dan Baginda menyampaikan pesanan yang bermaksud:

"Ketahuilah oleh kalian bahawa Ahli Kitab telah berpecah menjadi 72 kelompok. Dan sesungguhnya, agama Islam ini akan berpecah kepada 73 kelompok; di mana 72 kelompok itu nanti akan berada di neraka, hanya 1 kelompok sahaja yang dijamin ke syurga. Mereka itulah "Al-Jamaah".

4. Seorang tokoh Islam Andalusia, Imam Abu Ishaq al-Shatibi (720-790H) merumuskan "jamaah" ialah umat Islam yang berada dalam kesepakatan berpegang kepada al-Quran dan sunah; manakala sesiapa yang meninggalkan kesepakatan ini telah keluar dari maksud dan konteks yang dipesan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam."

5. Pegangan Ahli Sunah Wal Jamaah menjadi pegangan utama umat Islam di seluruh dunia. Di Malaysia, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia yang bersidang pada 5hb. Mei 1996, membuat ketetapan bahawa umat Islam negara ini hendaklah mengikut ajaran Islam berpaksikan Ahli Sunah Wal Jamaah daripada segi akidah, syariah dan akhlak; mentafsirkan hukum-hukum Islam berdasarkan sumber perundangan utama iaitu al-Quran, hadis, ijmak dan qiyas; dan tidak dengan mudah mengkufurkan sesama Muslim. Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah disifatkan sebagai ajaran yang betul, lurus, selamat, jelas dan tiada kekeliruan di dalamnya. Pegangan ini merupakan warisan jati diri umat Islam di negara ini sejak agama Islam mula bertapak di Tanah Melayu.

6. Sepanjang sejarah dalam manhaj Ahli Sunah Wal Jamaah, pendekatannya bersifat pertengahan dan seimbang, dan tidak bersifat keterlaluan ataupun ekstrem; manhaj ini menerima pendekatan nas dan akal dengan meletakkan nas mengatasi akal. Ahli Sunnah Wal Jamaah, berpegang bahawa manusia dituntut berusaha dan berikhtiar, tetapi memahami bahawa Allah Subhanahu Wata'ala yang menentukan hasil kejayaan dan pencapaian. Dalam amalan Ahli Sunnah Wal Jemaah, akal diberikan ruang untuk berfikir dan membuat tafsiran, malahan takwilan yang tidak jauh dengan tuntutan nas, bukan membuat tafsiran secara literal yang menampakkan Islam sebagai agama yang kaku dan tidak realistik.

7. Usaha meningkatkan kefahaman mengenai Ahli Sunah Wal Jamaah merupakan usaha penting untuk

memastikan keharmonian ummah dapat dijamin, juga untuk melengkapkan ummah dengan fahaman yang jelas agar lebih bersedia menghadapi ancaman kemunculan ajaran sesat dan aliran pemikiran janggal yang mengundang kebinasaan ke atas diri, keluarga, masyarakat mahupun negara.

8. Hari ini ancaman ke atas pegangan ahli Sunah Wal Jamaah dilakukan secara terang oleh musuh-musuh Islam dan secara terselindung melalui gerakan-gerakan batiniah tertentu dan tindak tanduk individu yang mempamerkan diri mereka sebagai ulama, ustaz, tuan guru dan seumpamanya, namun pada hakikatnya, mereka membawa ajaran yang menyeleweng dan tafsiran yang menyimpang daripada landasan Islam sebenar. Oleh itu ummah wajib berganding bahu memastikan pegangan ahli Sunnah Wal Jemaah dilindungi, dipelihara, difahami dan dihayati.

9. Semoga muzakarah yang diadakan ini mendapat petunjuk dan bimbingan Ilahi menghasilkan penemuan-penemuan berharga. Dengan lafadz BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM, Beta merasmikan Muzakarah Sultan Nazrin Muizzuddin Shah.

1. Hadis dikeluarkan oleh Abu Daud (4596), Tirmizi (2640), Ibn Majah (3991) dan Hakim (8396). Hadis sahih.

2. Dikeluarkan oleh Abu Daud. No. Hadis 4597. Hadis Sahih

3. Al-Shatibi, Abu Ishaq Ibrahim ibn Musa. (2008) al-l'tisam. Kaherah: Maktabah al-Tauhid. Jil.3. Hal. 300.

SEMINAR AMIL INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI 2023 "ZAKAT PEMACU KELESTARIAN PENDIDIKAN"



SERI ISKANDAR, 12 September 2023 - Seminar Amil Institusi Pengajian Tinggi 2023 "Zakat Pemacu Kelestarian Pendidikan" dianjurkan oleh Universiti Teknologi Petronas (UTP) dan Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) di bilik seminar Undercroft UTP. Program seminar dihadiri 150 orang peserta amil bertauliah dari dalam dan luar negeri Perak yang menguruskan kutipan zakat di institusi pengajian tinggi. Objektif seminar ini berkongsi pengalaman, memperkemas gerak kerja dan menambah baik usaha perlaksanaan amanah dan tanggungjawab sebagai amil. Pelbagai slot perkongsian diadakan sepanjang seminar berlangsung.

Turut sama hadir menjayakan program ini Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, Tuan Shahrul Azam Shaari, Naib Canselor UTP Profesor, Ts. Dr Mohamed Ibrahim Abdul Mutalib, Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Islam Institusi Pengajian Tinggi Malaysia, Prof. Madya Dr Abdul Aziz Mat Isa, Pengerusi Jawatankuasa Tabung Amanah Zakat UTP, Prof Dr Nor Hisham Hamid dan para pegawai UTP dan MAIPk. Semoga seminar Amil Institusi Pengajian Tinggi 2023 mencapai objektif dalam melahirkan cetusan idea terkini dan bernas sekali gus memperkasa urus tadbir zakat.



ZIARAH ASNAF DAERAH MUALLIM



MUALLIM, 19 September 2023 - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) mengadakan Program Ziarah Asnaf Daerah Muallim. Program ini merupakan aktiviti berkala untuk meninjau keadaan asnaf yang menerima bantuan MAIPk. Menjadi tanggungjawab dan keprihatinan MAIPk dalam memastikan nasib para asnaf terbela.

Program diketuai oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan) MAIPk, Puan Wan Maizura binti Wan Zahari. Turut serta Pengurus Besar Bahagian Agihan Zakat MAIPk, Encik Rohizan bin Haji Omar, Pegawai Baitulmal MAIPk Daerah Muallim, Encik Nabil Fikri bin Mohamad, pegawai Unit Agihan MAIPk Ibu Pejabat Ipoh dan MAIPk Daerah Muallim.

Team ziarah asnaf MAIPk menziarahi lima lokasi rumah asnaf dalam daerah Muallim di sekitar Jalan Trolak, Kg Rasau, Kg Balun, Felda Sg. Behrang dan Jalan Bernam Bahru, Tg. Malim. Setiap asnaf yang dilawati, pihak MAIPk memberi sumbangan sugu hati tunai, beras fidyah, barang makanan serta keperluan dapur. Terima kasih para muzakki yang sentiasa bersama-sama MAIPk. Usaha sebegini akan sentiasa diteruskan lagi daripada masa ke masa ke setiap daerah dalam negeri Perak.



PROGRAM PEMERKASAAN EKONOMI ASNAF (PROPER A) 2023

Program Pemerkasaan Ekonomi Asnaf (PROPER A) merupakan program yang dilaksanakan oleh MAIPk setiap tahun sejak tahun 2016 bertujuan membangunkan potensi para asnaf dan penerima bantuan MAIPk melalui program bersifat keusahawanan dan kegiatan perniagaan berskala kecil sebagai salah satu usaha dan laluan alternatif kepada asnaf keluar daripada kepompong kemiskinan.

Program diletakkan di bawah teras Program Pembangunan Ekonomi disediakan kepada kelompok asnaf dan penerima bantuan MAIPk di dalam dua skim iaitu Skim Latihan Keusahawanan Asnaf ; peserta perlu mengikuti kursus dan latihan berkala yang ditetapkan oleh MAIPk dalam tempoh 6-12 bulan mengikut modul dan kursus tertentu. Kedua, Skim Bantuan Modal Perniagaan ; peserta yang mengikuti kursus dan latihan bersama MAIPk dan penerima bantuan yang telah mula bermula secara kecil-kecil akan dibekalkan barang dan peralatan serta suntikan modal awal bagi mengembangkan lagi perniagaan.

Bagi tahun 2023, dana berjumlah RM2.5 juta diperuntukkan oleh MAIPk bagi menjalankan program PROPER A dan menfokuskan seramai 300 asnaf akan menerima manfaat daripada pelaksanaan pelbagai program dan kursus. Enam program PROPER A yang telah dijalankan pada tahun 2023 seperti berikut :

1. Kursus Kulinari dan Pastri : 20 peserta / RM199,986.00;
2. Kursus Tanaman Cendawan Tiram : 15 peserta / RM264,766.20;
3. Kursus Refleksologi dan Urutan Mobile : 30 peserta / RM288,540.00
4. Kursus Perbidanan : 20 peserta / RM199,400.00
5. Kursus Ternakan Ayam Kampung : 10 peserta / RM250,000.00
6. Kursus Pembuatan Pusara dan Batu Nisan : 6 peserta / RM150,000.00

KURSUS KULINARI DAN PASTRI

Majlis Penyerahan Peralatan Peserta Kursus Kulinari & Pastri disempurnakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, Tuan Shahruh Azam bin Shaari di Hotel Seri Malaysia, Ipoh pada 18 Oktober 2023.



KURSUS REFLEKSologi DAN URUTAN MOBILE

Penyerahan Bantuan Perniagaan dan Pelancaran Produk Kursus Refleksologi dan Urutan disempurnakan oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan) MAIPk, Puan Wan Maizura binti Wan Zahari di Hotel MRoof, Ipoh pada 24 Oktober 2023.



KURSUS PERBIDANAN

Majlis Penyampaian Kit Permulaan Perniagaan Spa dan Kecantikan : Perbidanan disempurnakan oleh Pengurus Besar Bahagian Agihan Zakat MAIPk, Encik Rohizan bin Haji Omar di Hotel Sunway Lost World, Ipoh pada 15 September 2023.



KURSUS REFLEKSLOGI DAN URUTAN MOBILE

Penyerahan Bantuan Perniagaan dan Pelancaran Produk Kursus Refleksologi dan Urutan disempurnakan oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan) MAIPk, Puan Wan Maizura binti Wan Zahari di Hotel MRoof, Ipoh pada 24 Oktober 2023.



PELAJAR TAJAAN SKIM BIASISWA PELAJARAN BAITULMAL MAIPk BERJUMLAH RM545,000.00 .



IPOH - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) menganjurkan Seminar Motivasi "Pecutan Akhir SPM 2023" kepada pelajar tajaan MAIPk tingkatan 5 bertempat di Kompleks Islam Darul Ridzuan, Ipoh. Dalam majlis tersebut, turut berlangsung Majlis Penyampaian Bantuan Skim Biasiswa Pelajaran Baitulmal kepada 545 pelajar tajaan Bantuan Skim Biasiswa Pelajaran Baitulmal tahun 2023 yang melibatkan dana zakat berjumlah RM545,000.00.



Majlis penyampaian biasiswa disempurnakan oleh Pengurus Besar Bahagian Agihan Zakat, Encik Rohizan bin Haji Omar kepada 305 pelajar penerima biasiswa baharu tingkatan 4 dan 5 seluruh negeri Perak berjumlah RM305,000.00. Seminar Motivasi "Pecutan Akhir SPM 2023" dihadiri pelajar serta ibu bapa untuk menjayakan seminar yang dikendalikan oleh Pakar Motivasi, Encik Ahmad Iqmal Bin Jamil dari Transform Motivation & Training. Diharapkan usaha MAIPk menyediakan biasiswa dapat membantu dan memastikan golongan kurang



MAIPk BANTU KURANG KOS PERBELANJAAN MELALUI PROGRAM JUALAN IKAN MURAH

Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk) dengan kerjasama masjid-masjid negeri Perak menganjurkan Program Jualan Ikan Murah untuk membantu mengurangkan kos sara hidup. Antara barang jualan yang menjadi tumpuan orang ramai termasuklah ikan, udang, sotong segar dan beras. Bantuan turut diagihkan dan diberikan secara percuma kepada 300 orang asnaf penerima bantuan bulanan MAIPk. MAIPk akan terus komited membantu penduduk negeri Perak dengan memperbanyakkan program seperti ini pada masa akan datang.

MASJID JAMEK KLEBANG RESTU, IPOH PADA 15 OKTOBER 2023



MASJID JAMEK KAMUNTING, TAIPING PADA 31 OKTOBER 2023



MAIPk TEROKAI POTENSI USAHAWAN MUALLAF MELALUI KURSUS ASAS KEUSAHAWANAN

IPOH, 25 Oktober 2023 - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) bekerjasama dengan Agrobank Centre of Excellent dan Bahagian Dakwah, Jabatan Agama Islam Perak menganjurkan Kursus Asas Keusahawanan Asnaf Muallaf buat julung kalinya di Hotel Travelodge. Kursus bertujuan menggilap potensi golongan asnaf Muallaf yang berbilang kaum terdiri daripada masyarakat Orang Asli, Cina dan India.

Seramai 25 orang peserta menyertai kursus untuk mencungkil bakat dan memberikan pendedahan lebih meluas dalam bidang keusahawanan, pengurusan kewangan dan bidang pemasaran. Antara bidang perniagaan yang diceburi oleh para peserta adalah seperti dalam bidang jahitan, kedai makan, kedai runcit, penternakan ikan dan kraftangan hasil-hasil hutan. Pelbagai program dan kursus susulan akan diatur oleh MAIPk kepada usahawan asnaf agar mereka mampu berdikari serta menjadi pembayar zakat pada masa akan datang.



ASNAF MAIPk KURSUS ASUHAN DAN DIDIKAN AWAL KANAK-KANAK PERMATA

IPOH - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) menganjurkan Majlis Perasmian dan Penyampaian Sijil Kursus Asuhan dan Didikan Awal Kanak-Kanak Permata di Hotel Casuarina. Majlis disempurnakan oleh Pengurus Besar Agihan Zakat MAIPk, Encik Rohizan bin Haji Omar. Seramai 36 orang peserta menjalani kursus selama dua bulan. Kursus ini dilaksanakan dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Perak dan dikendalikan oleh penyedia latihan lantikan MAIPk Reena Learning Development, yang melibatkan dana zakat berjumlah RM136,800.00. Majlis turut dihadiri ibu bapa peserta untuk memberi semangat dan penghargaan. Semoga ilmu yang diperoleh dapat dimanfaatkan oleh peserta dalam mendidik dan mengasuh kanak-kanak.



KURSUS PEMBANTU DAPUR

IPOH, 9 Oktober 2023 - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) menaja 25 orang pelatih dalam Kursus Pembantu Dapur (Kitchen Helper) selama tiga bulan di Puncak Jaya Edu Management Sdn Bhd (Kumpulan Pendidikan Shen Jai). Program ini diadakan bersama dengan Puncak Jaya Edu Management dengan tajaan MAIPk berjumlah RM157,875.00.



KURSUS MEROTI

IPOH, 8 Oktober 2023 - Kursus Kelas Meroti dan Pemasaran Bakeri diadakan di Haaza Bakery, Jalan Lapangan Terbang. Program disertai 30 peserta terpilih dalam kalangan asnaf. Kursus dikendalikan oleh Ella Sunshine Bakery bertujuan untuk menambah ilmu kemahiran dalam perniagaan bakeri dan berkongsi rahsia pemasaran berkesan di samping meningkatkan ilmu perniagaan.



MAJLIS RAMAH MESRA YAB DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, PERDANA MENTERI MALAYSIA BERSAMA MAHASISWA DAN RAKYAT MALAYSIA DI MESIR

MESIR, 22 Oktober 2023 - Seramai 150 orang pelajar tajaan Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) terpilih menyertai Majlis Ramah Mesra YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia bersama mahasiswa dan rakyat Malaysia di Mesir. Para hadirin mengambil peluang untuk berkomunikasi secara langsung dengan YAB Perdana Menteri dalam majlis yang diadakan sempena Lawatan Kerja YAB Perdana Menteri ke Mesir pada 22-23 Oktober 2023.



Pihak MAIPk merakamkan penghargaan kepada pihak Kedutaan Besar Malaysia Kaherah atas kepercayaan melantik Atase Pendidikan Negeri Perak, Encik Mohammed Tasyreef bin Mohamad Tarmizi mengacarakan Majlis Ramah Mesra YAB Perdana Menteri. Majlis turut dihadiri Menteri Luar Negeri, YB Senator Dato' Seri Diraja Dr Zamzry Abd Kadir, Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, YB Tuan Khairul Firdaus Akhbar Khan, Duta Besar Malaysia ke Republik Arab Mesir, TYT Ambassador Zamani Ismail dan 1,200 orang rakyat Malaysia di Mesir.



PROGRAM KENEGARAAN DAN TAKLIMAT PERSEDIAAN PELAJAR PERAK KE MESIR DAN JORDAN

IPOH, 11 September 2023 - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) telah menganjurkan Program Kenegaraan dan Taklimat Persediaan Pelajar Perak ke Mesir dan Jordan kepada 49 orang pelajar yang bakal melanjutkan pengajian. Program diisi dengan beberapa sesi taklimat iaitu taklimat kenegaraan oleh Encik Mohd Syazwan Bin Mohd Zaiharin, Pengurus Gerakan Belia Taiping, taklimat persediaan pelajar oleh Encik Muhammed Tasyreef Bin Mohamad Tarmizi, Atase Pendidikan Perak dan taklimat penerbangan oleh Encik Mior Azeem Nazrin Bin Nizam, Syarikat Aidil Travel & Tours. Turut diadakan Majlis Penyerahan Wakalah Zakat Tenaga Nasional Berhad (TNB) sebanyak RM67,500.00 oleh Encik Mohd Toha Bin Hj. Abdul Manaf, Pengurus TNB Negeri Perak kepada pelajar Perak.



PELAJAR PERAK MELANJUTKAN PENGAJIAN DI MESIR DAN JORDAN

SEPANG, 17 September 2023 - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) menghantar 51 orang pelajar Perak melanjutkan pengajian di Mesir dan Jordan. Penerbangan pertama diketuai oleh Tuan Haji Mohd Zulkhairi Bin Mohd Nor, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pendidikan Jabatan Agama Islam Perak bersama 20 orang pelajar. Seterusnya penerbangan kedua diketuai oleh Encik Abdul Aziz Bin Sulaiman dan Encik Mohd Azrif Bin Yahya, pegawai MAIPk mengiringi 23 orang pelajar ke Mesir dan lapan orang pelajar ke Jordan.

Turut hadir bersama membantu menguruskan penghantaran pelajar ke Mesir dan Jordan, Puan Norfazilah Binti Bawadi dan Puan Norhidayu Binti Sakdon, Unit Pemerksaan Pendidikan MAIPk serta wakil daripada Syarikat Aidil Travel & Tours. Syabas dan selamat jalan diucapkan kepada 51 orang pelajar Perak. Semoga segala urusan pengajian diper mudahkan dan sentiasa dikurniakan keselamatan serta keberkatan daripada Allah SWT.



SIMPOSIUM TANAH WAKAF/BAITULMAL

Program Simposium Tanah Wakaf dan Baitulmal yang diadakan selama 3 hari 2 malam bersama ahli-ahli terlibat bertujuan untuk membincangkan isu-isu berkaitan wakaf dan baitulmal. Program ini adalah salah satu inisiatif Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) dalam melaksanakan pembangunan harta tanah wakaf dan baitulmal dengan lebih teliti. Antara pengisian program termasuklah kepentingan memelihara kemaslahatan mauqaf menurut hukum syarak serta potensi dan peluang meningkatkan harta wakaf dan baitulmal di Negeri Perak. Pembangunan tanah wakaf dan baitulmal akan direalisasikan dengan lebih baik dan berkesan pada masa hadapan bagi memberi manfaat yang berterusan kepada umat Islam di negeri Perak.



KERATAN AKHBAR MAIPk

Negara

OKU buta dibantu MAIPk

IPON - Staran orang lelakim usia 60 tahun masing-masing Khairuddin Matil yang cact penglibatan untuk berbilang dan merentas kelulusan usia 60 tahun. Khairuddin, 32, yang hilang dari penglibatan sejak berusia 20 tahun kerana peralatan seperti beg suatu, karti urutan dan tumpuk bagi kurni pemakaian produk di platform sosial media," katanya.

Pengurusan Agama Islam dan Zakat MAIPk, Notitia Omar berkata, setiap geranta akan mendapat bantuan RM1000 untuk mendekati 100 jariah dan dua bulan adalah proses pemantauan. Jumlah RM1000 boleh diperoleh lagi setiap perwata tidak termasuk ekoran RM500 nombor.



Komuniti Kita

SEBAKAGIAN peserta yang mengikuti program Penyekasai eksemplar asraf MAIPk 2023 di Ipoh ketika

IPON - Lebih 280 orang peserta yang mengikuti usahawan berjaya dengan minima persempenaan sendiri dan kerjasama dengan Persekutuan Perusahaan Ekonomi Agama Islam dan Zakat Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk), Rozhan Omar berkata, jumlah ru pendidikan yang diluluskan daripada lebih 400 peserta yang menyertai kursus semasa pelajaran sekali gus menjadikan "Bakal" 300 peserta yang masih belum keluar dari dunia asraf menjadi asraf. MAIPk akan bersama-sama berusaha terhadap edaran pemrograman.

"Sekiranya ada yang panggil peserta ia semua turut memperkenalkan diri dan memperkenalkan kurus PROPER A dalam bidang pelajarannya dan seorang kakak sekutu miskin akan negara," katanya.

Lebih itu, bukan sahaja bukan pekerja di kilang, Muzahidin, 32 berkata, mereka yang terlibat dalam MAIPk memberi rasa kepuasan untuk meningkatkan prestasi.



Negara | 15

Dana RM2 juta MAIPk untuk asraf

OMA AGAMA MAIS

IPON - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) akan setiajar lagi modal bantuan sebanyak RM2 juta untuk mendukung usaha pengembangan dan pembangunan harta tanah wakaf dan baitulmal di negeri Perak. Khairuddin Matil, ahli wakaf dan pengurusan Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak, berkata, sumbangan sebanyak RM2 juta yang telah diberikan pada MAIPk memberi rasa kepuasan untuk meningkatkan prestasi.

Katanya, dengan jumlah total RM2 juta yang diberikan ini, ia boleh membantu 1000 orang asraf yang berada di bawah bantuan MAIPk untuk mendekati 100 jariah dan dua bulan adalah proses pemantauan.

"Pada program ini, sebanyak 200 orang asraf akan mendapat bantuan sebanyak RM1000 orang tetapi dalam dua kali bantuan. Setiap kali bantuan sebanyak RM500 dan dua kali bantuan sebanyak RM500. Jadi, program Projek Asraf ini boleh membantu 1000 orang asraf yang berada di bawah bantuan MAIPk," katanya.

Dalam Negeri | 35

MAIPk peruntuk dana sehingga RM2 juta bantu asraf jadi usahawan

IPON - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) akan menyumbangkan dana zakat hasil jualan produk hasil usaha asraf untuk mendekati 100 jariah dan dua bulan adalah proses pemantauan.

"Projek ini, sejajar dengan tujuan MAIPk untuk membantu asraf agar berjaya dalam usaha mereka. Dengan adanya bantuan ini, asraf dapat membangun usahanya dengan lebih baik dan berjaya," katanya.

Dalam Negeri | 35

MAIPk bantu pelajar Perak susah

IPON - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) menyumbangkan dana zakat hasil jualan produk hasil usaha asraf untuk mendekati 100 jariah dan dua bulan adalah proses pemantauan.

"Maipk peruntukan dana sebanyak RM2 juta untuk mendekati 100 jariah dan dua bulan adalah proses pemantauan. Pelajar akhir STPM 2022 juga MAIPk miliknya yang mendekati 200 jariah," katanya.

Bantuan bertarikh untuk MAIPk merupakan bantuan kerajaan RM200000 di-

PERSIDANGAN MAJLIS PERUNDINGAN MASJID NEGERI PERAK

IPOH, 25 November 2023 – Majlis Perundingan Masjid Negeri Perak (MPM) diadakan buat pertama kalinya bertempat di Impiana Hotel, Ipoh.

Tujuan utama persidangan diadakan adalah untuk membincang dan meluluskan kertas cadangan dan hal-hal yang berkaitan dengan MPM.



Semoga peranan dan kegemilangan masjid sebagai pusat pembangunan tamadun dapat terus berkembang dan memberikan sumbangan yang signifikan kepada kemajuan masyarakat.



MAJLIS PENYERAHAN KUNCI PROJEK PERUMAHAN TAIPING

TAIPING, 23 November 2023 - Majlis Penyerahan Kunci Projek Perumahan Taiping diadakan bagi meraikan penyerahan kunci simbolik kepada 10 orang pembeli rumah. Projek ini merupakan salah satu inisiatif bersama Perbadanan Ekonomi Islam Perak Sdn Bhd (PSB) untuk membangunkan tanah wakaf dan baitulmal di negeri Perak. Majlis telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Dr. Mohamad Hashim bin Ahmad Tajudin, Pengurus PSB. Turut hadir bersama ialah Orang Besar Jajahan Bagan Datuk, YDH Toh Seri Lela Paduka Dato' Dr Khalid Bin Ismail dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PSB, Tuan Amirul Hakim bin Abdullah. MAIPk dan PSB akan melancarkan lebih banyak projek pembangunan wakaf dan baitulmal untuk membuka peluang pemilikan rumah kepada masyarakat.

